

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4
Tarikh : 28 Ogos 2026

PEKELILING AKADEMIK BIL. 33/2026

Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

Timbalan Dekan (Prasiswazah/Akademik)
Fakulti/Institut
Universiti Kebangsaan Malaysia

Semua Pegawai Tadbir (Pengajian Prasiswazah)
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia


YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**PEMAKAIAN SKALA PEMARKAHAN PEPERIKSAAN DAN PENETAPAN PENGANUGERAHAN
IJAZAH KELAS PERTAMA PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA BERMULA SESI AKADEMIK
2026/2027**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Mesyuarat Senat Ke-532** pada **29 Julai 2026** telah meluluskan pemakaian skala pemarkahan peperiksaan yang baharu dan penetapan Penganugerahan Ijazah Kelas Pertama bagi program Ijazah Sarjana Muda, selaras dengan pematuhan kepada Advisory Note No. 4/2026 yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bertarikh 7 Julai 2026.
3. Kesan dari perubahan ini memberi tambahan syarat dan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjana Muda) 2024 seperti di **Lampiran 1**. Ketetapan berikut akan terpakai kepada pelajar kohortambilan sesi akademik 2026/2027.
4. Pekeliling ini boleh dimuat turun melalui laman sesawang Pusat Pengurusan Akademik di pautan berikut: <https://www.ukm.my/akademik/pekeliling-akademik-ukm/>. Sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut berhubung perkara ini, boleh diajukan kepada Pusat Pengurusan Akademik melalui e-mel akad@ukm.edu.my.

...2/-




PEJABAT PENGARAH
PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-80942061 E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,




PROFESOR MADYA DR. IRMAN BIN ABDUL RAHMAN

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM)

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
 - Penasihat Undang-undang, Pejabat Penasihat Undang-undang
 - Pengarah, Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan dan Profesional (UKMShape)
 - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah, Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
 - Pengarah, Pusat Digital UKM
 - Pengarah, Pusat Hal-ehwal Pelajar (HEP)
 - Pengarah, Pusat Hubungan Antarabangsa (UKM Global)
 - Ketua, Bahagian Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari

-2-



PEJABAT PENGARAH

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-80942061 E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

Lampiran 1: Tambahan Syarat dan Pindaan kepada Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjana Muda) 2024

1. Skala Pemarkahan Peperiksaan Ijazah Sarjana Muda

- i. Tambahan maklumat kepada Jadual 3, Peraturan Sarjana Muda 2024 adalah Skala Pemarkahan Peperiksaan Ijazah Sarjana Muda kohortambilan Sesi Akademik 2026/2027

Fakulti			FPER, FFAR, FGG	FUU, FPEND, FSK, FEP,FPSC	FPI, FTSM, FKAB, FSSK, FST
Gred	Skala Markah	Nilai Gred	Taraf	Taraf	Taraf
A	80–100	4.00	CERLANG	CERLANG	CERLANG
A-	75–79	3.75			
B+	70–74	3.50	KEPUJIAN	KEPUJIAN	KEPUJIAN
B	65–69	3.00			
B-	60–64	2.75	LULUS	LULUS	LULUS
C+	55–59	2.50			
C	50–54	2.00			
C-	45–49	1.75			
D+	40–44	1.50	GAGAL	GAGAL	GAGAL
D	35–39	1.00			
E	0–34	0.00			
Nota: Skala ini adalah terpakai kepada kohortambilan Sesi Akademik 2026/2027 (Kelulusan Senat ke- Mesvuarat Senat Ke-532 pada 29 Julai 2026)					

2. Pindaan peraturan 38 (1) Pengurniaan Ijazah:

ASAL		PINDAAN	
3.67-4.00	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Cemerlang)	3.75 -4.00*	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Cemerlang)
2.00-3.66	Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian	2.00- 3.74	Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian

*Syarat penganugerahan Ijazah Kelas Pertama dengan PNGK minimum 3.75 ini akan mula terpakai kepada graduan pada Majlis Konvokesyen Tahun 2029 bagi pelajar program pengajian tiga (3) tahun dan Majlis Konvokesyen Tahun 2030 bagi pelajar program pengajian empat (4) tahun dan seterusnya.

3. Pindaan peraturan 41(2)(a) Anugerah Dekan-Syarat dan Kelayakan-

ASAL	PINDAAN
(a) pelajar mencapai Purata Nilai Gred (PNG) sekurang-kurangnya 3.67, bagi minimum 12 kredit tidak termasuk kursus yang kreditnya tidak diambil kira dalam pengiraan PNG bagi sesuatu semester pengajian;	(a) pelajar mencapai Purata Nilai Gred (PNG) sekurang-kurangnya 3.75 *, bagi minimum 12 kredit tidak termasuk kursus yang kreditnya tidak diambil kira dalam pengiraan PNG bagi sesuatu semester pengajian;

*Syarat dan kelayakan Anugerah Dekan dengan Purata Nilai Gred (PNG) sekurang-kurangnya 3.75 akan mula terpakai kepada pelajarambilan sesi akademik 2026/2027 sahaja.